

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 23.5.2016

SOALAN :

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berikutan adanya pentadbir sekolah mewajibkan guru sekolah untuk menggunakan *whatsapp group* dalam berurusan di antara guru sekolah, pelajar dan ibu bapanya, justeru perkara ini sebenarnya boleh menggugat *privacy* guru sekolah, nyatakan langkah dan pendirian Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak pernah mengeluarkan arahan supaya pentadbir sekolah mewajibkan penggunaan *WhatsApp* dalam kalangan warga sekolah. Namun KPM tidak ada halangan jika penggunaan *WhatsApp* dijadikan saluran komunikasi antara pihak yang berkepentingan berasaskan pematuhan kepada etika penjawat awam, persetujuan pihak terlibat, tidak melibatkan unsur paksaan dan tidak menyentuh perkara-perkara di luar tanggungjawab yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23 MEI 2016
[ISNIN]

DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]

SOALAN :-

Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada kerajaan akan melaksanakan pembaharuan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Bukit Mertajam pada 17 Mac di Parlimen termasuk memasukkan hak perumahan ke dalam Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Perumahan Negara (DRN) melalui objektif pertamanya telah menggariskan keperluan untuk menyediakan perumahan yang mencukupi dan berkualiti dengan kemudahan yang lengkap dan persekitaran yang kondusif. Kerajaan sentiasa menyediakan peluang-peluang kepada rakyat dalam pemilikan rumah, namun ianya masih tertakluk kepada kemampuan setiap rakyat itu sendiri.

Dalam hubungan ini, penyediaan rumah mampu milik oleh KPKT yang dapat dimanfaatkan oleh rakyat merangkumi 3 program utama antaranya **Program Perumahan Rakyat (PPR)** yang diperkenalkan bagi membantu golongan berpendapatan isi rumah di bawah RM2,500 sebulan untuk memiliki rumah. Program ini menawarkan rumah yang berharga RM35,000 seunit di Semenanjung Malaysia dan RM42,000 seunit di Sabah / Sarawak. Selain dari kemudahan pembelian rumah, program ini juga menyediakan

kemudahan sewaan rumah PPR yang hanya dikenakan kadar sewaan sebanyak RM124 sebulan.

KPKT juga turut menyediakan **Skim Pinjaman Perumahan (SPP)** yang mana melalui program ini, pemohon yang berkelayakan akan dibantu dengan pemberian pinjaman perumahan maksima RM45,000 bagi pembinaan rumah di atas tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga terdekat. Skim ini menyasarkan golongan berpendapatan isi rumah di antara RM700 hingga RM2,500 sebulan.

Bagi **Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome)**, pemohon yang berpendapatan isi rumah RM3,000 hingga RM6,000 adalah layak untuk memohon insentif sebanyak RM30,000 di bawah skim ini.

Di samping skim dan program di atas, KPKT juga menawarkan skim-skim lain yang dapat membantu rakyat dalam pemilikan rumah. Antara skim dan program lain yang disediakan ialah:-

- (i) Rumah Transit 1 Malaysia (RT1M);

- (ii) Program Bantuan Sewa Rumah dan Program Bantuan Perumahan Bandar; dan
- (iii) Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit).

Konsep pemilikan rumah yang sebenarnya bukanlah semata-mata membeli rumah sahaja. Ia termasuklah konsep penyewaan rumah juga. Malah jika dilihat di luar negara, menyewa rumah merupakan alternatif dalam memiliki kediaman. Oleh yang demikian, alternatif ini perlu dilihat sebagai salah satu pilihan kepada rakyat Malaysia yang masih belum berkemampuan untuk membeli rumah.

Kerajaan sentiasa peka dengan keluhan rakyat dan sentiasa mencari mekanisme terbaik bagi membantu rakyat memiliki kediaman mengikut kesesuaian kemampuan dan kelayakan setiap lapisan masyarakat di negara ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016